



Sertai Universiti Kebangsaan Malaysia, salah sebuah Universiti penyelidikan di Malaysia

## PENASIHAT UNDANG-UNDANG

### **KUMPULAN PERKHIDMATAN:**

Pengurusan Tertinggi

### **GRED:**

Gred Utama C (VU7) / B (VU6)

(Pihak UKM berhak menawarkan gred yang lebih tinggi berdasarkan keperluan dan tertakluk kepada keputusan pihak Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia)

### **TEMPOH LANTIKAN:**

1 hingga 3 tahun perkhidmatan bagi setiap lantikan tertakluk kepada pihak Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

### **STATUS PELANTIKAN:**

Secara Pertukaran Sementara / Pelantikan Peminjaman Perkhidmatan / Kontrak.

### **FUNGSI DAN BIDANG TUGAS:**

Tertakluk kepada Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan, Penasihat Undang-undang hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan berikut:

- (a) Menjadi penasihat mengenai hal ehwal undang-undang berkaitan dengan Universiti kepada Lembaga Pengarah Universiti dan mana-mana pihak berkuasa Universiti;
- (b) Menjadi Ketua Pejabat Penasihat Undang-undang;
- (c) Menjadi ahli *ex-officio* Lembaga dan Senat;
- (d) Bertanggungjawab dalam hal-hal berkaitan perundangan Universiti termasuklah:
  - i. Menasihat Universiti dalam semua hal perundangan;
  - ii. Menggubal, menyemak dan melulus dokumen perundangan;
  - iii. Menyedia, menyemak dan melulus surat cara perundangan;
  - iv. Menguruskan hal-hal berkaitan transaksi perundangan;
  - v. Menguruskan hal-hal berkaitan litigasi; dan
  - vi. Menguruskan hal-hal berkaitan tataatirib pekerja.
- (e) Menjadi ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan mana-mana jawatankuasa lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah atau Peraturan;
- (f) Menyempurnakan apa-apa surat cara atau dokumen yang berkaitan perundangan Universiti dengan keizinan Lembaga;
- (g) Memberi nasihat berkaitan urusan tataatirib pekerja dan pelajar Universiti;
- (h) Melaksanakan apa-apa kuasa dan kewajipan lain dan mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang diperlukan dalam menjalankan kuasa dan kewajipan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah atau Peraturan; dan
- (i) Menjalankan tugas-tugas dan fungsi lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa.

### **GAJI DAN IMBUHAN:**

- (a) Gaji (*Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2016*)

<b>GRED</b>	<b>MINIMUM</b>	<b>MAKSIMUM</b>
VU7	RM7,676.00	RM20,592.00
VU6	RM8,315.00	RM22,445.00

- (b) Imbuhan pada Gred Utama C (VU7) / B (VU6) yang bersesuaian akan dipertimbangkan mengikut peraturan semasa.

**KELAYAKAN:**

- (a) Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LLB); dan
- (b) Berpengalaman luas dan beramal dalam profesion Undang-undang sekurang-kurangnya 15 tahun serta memenuhi kriteria kecemerlangan UKM.

**KRITERIA CALON:**

Calon hendaklah bermatlamat, bermotivasi tinggi, proaktif dan tekun dalam pelaksanaan, mempunyai minat yang tinggi dan berpengalaman dalam bidang perundangan.

CV yang komprehensif perlu dikemukakan sebelum atau pada **11 Oktober 2016 (Selasa)** ke alamat seperti di bawah:

**Bahagian Sumber Manusia  
Jabatan Pendaftar  
Aras 5, Bangunan Canselori  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor Darul Ehsan**

**Telefon: 03-8921 5150 / 3360  
Faks: 03-8925 2882  
Emel: [tpbsm@ukm.edu.my](mailto:tpbsm@ukm.edu.my)**